

Buku Kerja Aktiviti Murid bagi



# ***Peringkat 2***



Berdasarkan Siri Penjelajah Visual Alkitab

## **Kejadian - Pada Mulanya**

Jilid 1: Dari Penciptaan sehingga Abraham

Jilid 2: Ishak, Yakub dan Yusuf

✝ Penerbitan Buku Kristian

SAMPLE

# **Buku Kerja Aktiviti Murid**

**bagi Peringkat 2**

**Berdasarkan**

**Siri Penjelajah Visual Alkitab**

**Kejadian - Pada Mulanya**

**Jilid 1: Dari Penciptaan sehingga Abraham**

**Jilid 2: Ishak, Yakub dan Yusuf**

# Hak cipta



Diterbitkan buat kali yang pertama di Malaysia pada 2024 oleh  
Pristine World Sdn Bhd

Hak Cipta © 2024 Pristine World Sdn. Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman, imbasan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada **ALKITAB VERSI BORNEO**. Hak cipta © 2016 oleh Borneo Sabda Limited. Digunakan dengan kebenaran daripada Borneo Sabda Limited.

Hak cipta terpelihara.

# Isi Kandungan

## Kejadian Jilid 1

Pelajaran 1	Cerita Penciptaan	4
Pelajaran 2	Taman Eden	6
Pelajaran 3	Adam dan Hawa	8
Pelajaran 4	Kain dan Habel	10
Pelajaran 5	Nuh Membina Bahtera	12
Pelajaran 6	Banjir Besar	14
Pelajaran 7	Menara Babel	16
Pelajaran 8	Abram dan Panggilan Tuhan	18
Pelajaran 9	Abram dan Lut	20
Pelajaran 10	Janji seorang Anak Lelaki	22
Pelajaran 11	Abraham dan Perjanjian Tuhan	24
Pelajaran 12	Abraham merayu bagi pihak Sodom	26
Pelajaran 13	Apa yang berlaku di Sodom dan Gomora	28
Pelajaran 14	Ujian bagi Abraham	30

## Kejadian Jilid 2

Pelajaran 15	Ishak dan Ribka	32
Pelajaran 16	Yakub dan Esau - Cerita Hak Anak Sulung	34
Pelajaran 17	Perjalanan Yakub	36
Pelajaran 18	Yakub dan Anak-anak Perempuan Laban	38
Pelajaran 19	Yakub kembali ke Kanaan	40
Pelajaran 20	Yusuf dan Abang-abangnya	42
Pelajaran 21	Yusuf dan Potifar	44
Pelajaran 22	Orang Tahanan dan Erti Mimpi	46
Pelajaran 23	Si Tukang Mimpi dan Raja	48
Pelajaran 24	Orang Tahanan menjadi Perdana Menteri	50
Pelajaran 25	Masalah Yakub	52
Pelajaran 26	Pertemuan dan Perdamaian Keluarga	54
Pelajaran 27	Penghujung Kejadian - Puak Menjadi Bangsa	56

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 1: CERITA PENCIPTAAN

**Tema:**

Tuhan menciptakan alam semesta kita.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk mengenal Tuhan melalui pekerjaan tangan-Nya yang BAIK.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 1:1 sehingga 2:3



### Pelajari

**Kunci Pelajaran:**

1. Alam Semesta dijadikan oleh satu Tuhan.
2. Tuhan sangat gembira dan berpuas hati dengan pekerjaan-Nya. Dia melihat ianya baik. Ia sempurna.

**Ayat Hafalan:**

“Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.”  
Kejadian 1:1

### Terokai:

Pilih perkataan yang terbaik daripada pilihan yang diberikan.

1. Tuhan menciptakan \_\_\_\_\_ dalam gambaran-Nya.
2. Tuhan melihat pada apa yang dijadikan-Nya dan melihat ianya sangat \_\_\_\_\_.
3. Tuhan menempatkan \_\_\_\_\_ di langit.

**baik**


**burung-burung**

**manusia**

**Ketahui:** Susun semula perkataan yang digariskan, kemudian padankan perkataan itu kepada hari yang berkenaan.

1. Tuhan memilih untuk tidak melakukan apa-apa pada hari ini. Dia <u>beertah</u> . _____	•	•	Hari kedua
2. Tuhan memisahkan <u>rai</u> untuk menjadikan langit. _____	•	•	Hari kelima
3. <u>ngruub-ngruub</u> memenuhi langit dan ikan-ikan memenuhi air. _____	•	•	Hari ketujuh

**Melukis:** Pilih satu hari dalam penciptaan untuk dilukis dan diwarnakan. Tunjukkan kepada rakan-rakan kamu!



**Tindakan:**

Fikirkan tentang dunia yang Tuhan telah ciptakan. Apakah yang kamu dapat katakan tentang-Nya?

---

---

---

**Doa:** Ya Tuhan, terima kasih untuk dunia yang baik dan indah. Bantulah saya untuk menyembah Engkau dan lebih mengenal Engkau melalui pekerjaan tangan-Mu. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 2: TAMAN EDEN

### Tema:

Manusia yang pertama dijadikan Tuhan dan berbicara dengan-Nya.

### Tujuan Pelajaran:

Rapat dengan Allah bermaksud taat kepada firman-Nya.

### Petikan Alkitab:

Kejadian 2:4-25



## Pelajari

### Kunci Pelajaran:

1. Tuhan menghembuskan kehidupan kepada kita. Dia menjadikan kita seperti-Nya dan memberikan kita tanggungjawab untuk menjaga ciptaan-Nya.
2. Tuhan menunjukkan kasih-Nya dengan menempatkan lelaki dan perempuan itu di dalam taman. Tuhan rapat dengan mereka dan berbicara dengan mereka. Dia juga memberikan janji (juga dipanggil perjanjian) dengan mereka yang mereka perlu pegang supaya mereka dapat terus rapat dengan-Nya.

### Ayat Hafalan:

“Apabila aku melihat langit-Mu, hasil kerja jari-Mu, bulan dan bintang, yang Kautentukan, apakah manusia maka Engkau mengingatnya, dan anak manusia maka Engkau mengendahnya?”

Mazmur 8:3-4

## Terokai:

1. Apakah yang Tuhan lakukan kepada manusia supaya manusia memiliki kehidupan?
2. Apakah yang Tuhan minta manusia untuk lakukan di Taman?
3. Apakah janji yang Tuhan lakukan kepada lelaki dan perempuan itu?

**Jom cari!:** Cari perkataan-perkataan di bawah.

C	K	Y	C	Q	F	O	P	R	D	M	D	E	D
P	E	R	S	E	K	U	T	U	A	N	F	R	R
A	T	Z	R	S	E	L	T	C	A	B	R	T	G
T	A	N	G	G	U	N	G	J	A	W	A	B	H
V	A	C	E	E	S	M	U	A	D	R	X	S	R
R	T	R	P	E	N	G	E	T	A	H	U	A	N
C	A	E	T	D	F	T	R	E	B	Y	V	R	B
T	N	S	O	P	V	Y	E	S	N	U	R	E	S

### Petunjuk-petunjuk

1. Suatu kewajipan/ tugas yang diberikan kepada kita
2. Melakukan sesuatu yang dikatakan oleh seseorang
3. Meluangkan masa bersama seseorang
4. Pokok ..... tentang yang baik dan yang jahat

Jawapan

\_\_\_ ngg \_\_\_ ja \_\_\_ b \_\_\_ et \_\_\_ ta n

p \_\_\_ s \_\_\_ k \_\_\_ u a n p \_\_\_ ng \_\_\_ ta \_\_\_ a n

### Tindakan:

1. Apakah yang dapat kamu lakukan untuk menjaga dunia Tuhan?

---

---

---

2. Pada pendapat kamu mengapakah ianya penting untuk mengasihi dan menjaga bumi?

---

---

---

**Doa:** Ya Tuhan, terima kasih kerana ingin meluangkan masa bersama kami dan ingin untuk rapat dengan kami. Bantulah kami untuk tetap rapat dengan-Mu dengan mentaati Firman-Mu. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 3: ADAM DAN HAWA

**Tema:**

Rapat dengan Tuhan.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk memilih taat kepada Tuhan supaya kita dapat menikmati persekutuan dengan-Nya.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 3:1-24



### Pelajari

**Kunci Pelajaran:**

1. Alkitab menunjukkan kita bahawa Tuhan itu suatu yang bersifat rohani tetapi suatu yang peribadi. Biarpun Dia sangat berkuasa, Dia ingin bersekutu dengan kita seperti yang dilakukan oleh sahabat baik.
2. Tuhan membenarkan kita untuk memilih. Apabila kita mentaatinya, kita diberikan kehidupan. Apabila kita tidak mentaati-Nya, kita akan terpisah daripada-Nya.

**Ayat Hafalan:**

“Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.”  
Roma 6:23

**Aktiviti 1:** Letakkan nombor dalam kotak untuk menceritakan kisah ini dengan urutan yang betul.

- 1. Lelaki dan perempuan itu bersembunyi kerana mereka malu.
- 2. Ular itu menggunakan tipu muslihat terhadap perempuan itu.
- 3. Lelaki dan perempuan itu mendengar Tuhan berjalan di dalam taman itu.
- 4. Tuhan menghalau mereka daripada taman itu dan menempatkan satu kerubin untuk menjaga laluan ke pokok hayat.

- Tuhan melafazkan hukuman terhadap ular, lelaki dan perempuan itu.
- Lelaki dan perempuan itu membuat pakaian bagi mereka daripada daun pokok ara.
- Tuhan membuatkan pakaian bagi lelaki dan perempuan itu daripada kulit binatang.
- Lelaki dan perempuan itu makan buah yang terlarang.

**Aktiviti 2:** Susun semula ayat-ayat ini, kemudian salinkannya semula dalam ruang yang disediakan.

pasti akan Kamu mati. tidak

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

sumpah Aku meletakkan kamu.  
terhadap akan \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

Ular aku makan. itu menipuku dan

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

### Tindakan:

1. Beberapa perkara yang Tuhan ingin saya lakukan ialah

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

2. Apabila kamu diberikan pilihan, apakah atau siapakah yang membantu kamu melakukan pilihan yang benar supaya kamu mengikuti firman Tuhan?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**Doa:** Ya Tuhan, terima kasih kerana ingin meluangkan masa dengan saya. Bantulah saya untuk meluangkan masa bersama-Mu dan mengetahui bagaimana untuk mentaati Engkau dengan \_\_\_\_\_. Terima kasih untuk contoh Yesus dalam Alkitab yang telah membantu saya. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 4: KAIN DAN HABEL

**Tema:**

Tuhan mengetahui segalanya.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk menyadari bilakah kita telah melakukan yang salah dan untuk melakukan sesuatu tentangnya.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 4:1-26



### Pelajari

**Kunci Pelajaran:**

1. Kain telah diberikan amaran untuk taat kepada Tuhan. Tetapi Kain tidak melakukannya dan membunuh adiknya Habel.
2. Tuhan melihat segalanya yang kita lakukan. Kain berfikir tidak ada yang melihat tindakannya tetapi Tuhan melihat apa yang dilakukannya dan menghukumnya.

**Kunci Pelajaran:**

“Dan berbelas kasihlah satu sama lain, bersikap baik, saling memaafkan, sebagaimana Allah telah mengampunimu dalam Kristus.”  
Efesus 4:32

**Aktiviti 1:** *Isi tempat kosong.*

1. Kain ialah ab\_\_ng kepada Habel.
2. Habel ialah seorang gem \_\_ \_\_la.
3. Habel membawa beberapa anak sul\_\_ \_\_g daripada haiwan ternakannya untuk Tuhan.
4. Tuhan ber\_\_enan kepada persembahan Habel.

**Aktiviti 2:** *Biarpun Kain dihukum, Tuhan tidak membenarkan sesiapa pun membunuh Kain. Dia kemudiannya membina sebuah kota. Dapatkah kamu bayangkan bagaimana bentuk kota Kain? Lukiskan orang-orang yang sedang membina kota.*

**Tindakan:**

1. Daripada cerita ini, adakah Tuhan memberikan manusia peluang ataupun adakah Dia dengan pantas menghukum mereka dengan kejam?

---

---

---

---

2. Apabila saya melakukan sesuatu yang salah seperti \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ saya perlu \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

**Doa:** Ya Tuhan, terima kasih sangat-sangat kerana telah memberikan kami peluang untuk memohon keampunan. Tolong bantu saya untuk mengetahui apabila saya melakukan yang salah dan untuk meminta Engkau mengampuni saya. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 5: NUH MEMBINA BAHTERA

### Tema:


Tuhan boleh menggunakan umat-Nya yang setia untuk melakukan kehendak-Nya.

### Tujuan Pelajaran:

Untuk sentiasa setia kepada Tuhan biarpun ketika kebanyakan orang tidak setia kepada-Nya.

### Petikan Alkitab:

Kejadian 6 & 7



## Pelajari

### Kunci Pelajaran:

Nuh telah dipilih kerana dia mempunyai iman dan mengasihi Tuhan. Dia telah dipilih untuk tugas yang besar untuk membina Bahtera dan membantu Tuhan menyelamatkan ciptaan-Nya.

### Ayat Hafalan:

“Hanyalah Dia batu pejaluku dan penyelamatanku; Dialah yang melindungiku, maka aku tidak akan digulingkan.”

Mazmur 62:2

## Aktiviti 1: Warnakan ayat yang benar dalam cerita ini.

Pada zaman Nuh, semua orang mengikut Tuhan dengan setia dan sangat mengasihi-Nya.


Tuhan sangat sedih kerana semua orang di bumi sangat jahat (kecuali Nuh).

Nuh mempunyai makanan yang cukup untuk keluarganya dan binatang-binatangnya.

Hujan turun selama dua puluh hari dan dua puluh malam.

Hanya Nuh dan orang-orang yang bersamanya di Bahtera yang masih hidup.

**Aktiviti 2:** Fotokopi muka surat ini. Guntingkan bahtera ini dan lukiskan binatang di dalamnya (di belakang layar). Tuliskan ayat hafalan di atas bahtera ini.



**Tindakan:**

Setia kepada Tuhan bermaksud \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(contoh: berkelakuan baik kepada murid yang tidak disukai oleh semua orang di kelas)

**Doa:** Ya Tuhan, bantulah saya untuk terus mengikutimu biarpun ketika orang di sekeliling saya tidak mengikutimu. Biarlah saya hidup untuk melakukan pekerjaanmu seperti Nuh menyelamatkan ciptaan. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 6: BANJIR BESAR

### Tema:

Kesetiaan membawa kepada penyelamatan.

### Tujuan Pelajaran:

Untuk mengenali Yesus melalui cerita Nuh.

### Petikan Alkitab:

Kejadian 7:16 - 9:17



## Pelajari

### Kunci Pelajaran:

1. Apabila kita berdosa, Tuhan menghakimi kita tetapi apabila kita setia, Dia menghapuskan dosa kita. Tuhan meminta kita untuk melakukan pekerjaan-Nya dan akan memberikan ganjaran kepada mereka yang mengikutinya.
2. Cerita Nuh dan Bahtera ialah sebuah gambaran tentang Yesus. Yesus adalah seperti Bahtera yang menyelamatkan mereka yang setia kepada-Nya. (1 Petrus 3:20)

### Ayat Hafalan:

“Hanya ada satu Allah dan hanya ada satu pengantara antara Allah dengan manusia iaitu seorang insan Kristus Yesus. Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa seluruh umat manusia, dan hal ini akan dipersaksikan pada masanya.”  
1 Timotius 2:5-6

## Aktiviti 1: isikan tempat kosong dengan huruf yang betul.

1. Air memb\_\_\_nj\_\_\_ri bumi selama seratus lima puluh hari.
2. G\_\_\_gak ialah burung pertama yang dilepaskan keluar oleh Nuh daripada Bahtera itu.
3. Apabila Nuh keluar, dia membina sebuah m\_\_\_zbah untuk Tuhan dan membakar persembahan.
4. Tuhan meletakkan pel\_\_\_ngi di langit sebagai tanda perjanjian yang telah dibuat-Nya dengan Nuh dan semua makhluk yang hidup.

**Aktiviti 2:** Fotokopi muka surat ini, kemudian tuliskan ayat hafalan di atas pelangi ini. Warnakan dan hiaskannya. Guntingkannya dan lekat di bilik kamu untuk membantu kamu menghafal ayat itu.



**Tindakan:**

1. Yesus ialah seperti \_\_\_\_\_ dalam cerita ini.
2. Yesus ialah \_\_\_\_\_ bagi saya.

**Doa:** Ya Tuhan, terima kasih untuk Yesus yang seperti Nuh dan Bahtera yang menyelamatkan manusia. Bantulah saya untuk berjalan dekat dengan-Mu dan mengikuti-Mu dalam setiap yang saya lakukan. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 7: MENARA BABEL

**Tema:**

Bersikap angkuh tidak menyenangkan Tuhan.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk merendah diri (tidak angkuh) dan melibatkan Tuhan dalam rancangan kita.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 11:1-9



### Pelajari

**Kunci Pelajaran:**

Manusia tidak mentaati Tuhan dengan tidak mahu terserak dan memenuhi bumi. Sebaliknya, mereka membina sebuah menara untuk menunjukkan betapa hebatnya mereka. Menara itu menunjukkan ketidaktaatan mereka. Jika manusia terus tidak taat kepada Tuhan, apa sahaja yang mereka lakukan tidak akan berhasil. Pada akhirnya, mereka perlu menyahut panggilan Tuhan.

**Ayat Hafalan:**

“Keangkuhan mendahului kehancuran, dan hati yang sombong mendahului kejatuhan.”  
Amsal 16:18


**Aktiviti 1:** Gunakan kunci di bawah ini untuk mengetahui sebab Tuhan mengelirukan manusia.

Activity 1: A word search puzzle. The puzzle consists of a grid of icons. The icons are arranged in three rows. The first row contains: pumpkin, teddy bear, gift box, teddy bear, alarm clock, donut, donut, lollipop, jacket, alarm clock, magnifying glass, saxophone. The second row contains: palm tree, donut, lollipop, pumpkin, teddy bear, donut, donut, tent, donut, lollipop. The third row contains: medal, magnifying glass, saxophone, donut, lollipop. Below the grid are three horizontal lines for writing the answers.

- A D E G H K L M N R T U W

## Aktiviti 2: Bongkah Doa.

1. Fotokopi muka surat ini dan guntingkan bentuknya.
2. Lukiskan enam perkara yang sangat penting bagi kamu. Ia mungkin adalah sesuatu yang kamu sangat suka lakukan, atau cita-cita kamu apabila kamu dewasa nanti. Ia juga mungkin adalah seseorang yang kamu gemar luangkan masa bersama, sukan kegemaran, atau patung kegemaran.
3. Bentukkan bata itu dan kongsikan gambar-gambar itu bersama rakan-rakan kamu. Setiap kali kamu melihat pada bata ini, beritahu Tuhan tentang perkara-perkara yang penting ini dan benarkan-Nya menjadi sebahagian daripadanya.



### Tindakan:

Fikirkan diri kamu sebagai seorang anak, seorang kakak atau abang atau adik, seorang sahabat dan seorang murid. Pada pendapat kamu, apakah rancangan Tuhan untuk kamu?

Rancangan Tuhan bagi saya ialah \_\_\_\_\_

**Doa:** Ya Tuhan, saya ingin Engkau menjadi sebahagian daripada semua perkara yang saya lakukan. Terima kasih kerana menginginkan yang terbaik bagi kami, seperti mengutuskan satu-satunya Anak-Mu Yesus. Bantulah saya untuk tidak bersikap angkuh dan berfikir bahawa saya dapat melakukan semuanya dengan kekuatan saya sendiri. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 8: ABRAM DAN PANGGILAN TUHAN

### Tema:

Tuhan menjaga umat-Nya.

### Tujuan Pelajaran:

Mempercayai Tuhan dalam perkara-perkara yang baru.

### Petikan Alkitab:

Kejadian 12:1-20



### Pelajari


#### Kunci Pelajaran:

1. Perjanjian Tuhan tentang berkat diturunkan kepada Abram. Abram ialah bapa dan pemimpin bagi orang-orang yang terpilih yang akan memberkati dunia.
2. Walaupun Abram ialah seorang yang kaya yang hidup dengan selesa, dia mengikuti Tuhan dengan meninggalkan rumahnya untuk Tanah yang Dijanjikan di mana dia tahu kehidupan pastinya sukar.
3. Walaupun Abram tidak seharusnya berbohong tentang isterinya, Tuhan tetap melindunginya di Mesir. Abram mempelajari sesuatu – lebih baik memberitahu kebenaran dan percaya kepada Tuhan daripada mengatakan apa yang tidak benar.

#### Ayat Hafalan:

Aku terus berusaha ke arah matlamat mendapatkan ganjaran, iaitu panggilan Allah ke syurga dalam Kristus Yesus. Filipi 3:14

**Aktiviti 1:** Lukiskan gambar yang hilang dan isi tempat kosong untuk menceritakan kisahnya.



Tuhan meminta Abram untuk meninggalkan r\_\_m\_\_nya.



Ketika kebuluran tiba, mereka pergi ke \_\_e\_\_ir.



Mereka menuju ke Kan\_\_n.



Abram berkata kepada Sarai “Katakan kau ialah \_\_di\_\_ku”.




Orang Mesir melihat bahawa Sarai c\_\_nt\_\_.



Mereka membawanya kepada Fi\_\_ \_\_.



Firaun mahu mengambilnya menjadi isterinya.



Tuhan menjadikan Firaun sa\_\_ \_\_ dan memberitahunya untuk melepaskan Abram.



Firaun sangat marah terhadap Abram kerana Abram \_\_er\_\_oh\_\_ \_\_g kepadanya.

### Tindakan:

1. Hidup adalah seperti suatu jalan yang berselirat. Adakalanya kamu berasa terperangkap. Adakah kamu melihat pada perkara yang menghalang laluan kamu atau adakah kamu memandang kepada Tuhan?

\_\_\_\_\_

2. Saya berasa terperangkap ketika



\_\_\_\_\_

Tuhan mampu \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**Aktiviti 2:** Bantu Abram untuk mencari jalannya keluar daripada Mesir dan kembali ke Kanaan.

MESIR



KANAAN

**Doa:** Ya Tuhan, terima kasih kerana menjaga kami seperti Engkau menjaga Abram. Bantulah saya untuk mempercayai-Mu dalam segalanya, terutamanya pada masa yang sukar ketika saya berasa terperangkap kerana saya tahu saya tidak dapat melakukannya sendiri. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 9: ABRAM DAN LUT

**Tema:**

Tuhan menyediakan.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk mempelajari tentang pemberian sepersepuluhan.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 13:1 sehingga 14:24.



### Pelajari

**Kunci Pelajaran:**

1. Abram bersikap sopan dan membenarkan Lut untuk memilih tanah yang diinginkannya. Lut memilih tanah yang lebih subur tetapi akhirnya tinggal di Sodom, sebuah kota dosa.
2. Walaupun Abram memiliki sedikit orang berbanding dengan musuhnya, dia tidak takut kepada mereka kerana Tuhan berada di pihaknya. Abram menang dan menyelamatkan Lut dan tawanan.
3. Raja Sodom memberikan Abram harta-harta tetapi Abram tidak mengambil satu pun daripadanya. Abram telah belajar daripada pengalamannya di Mesir dan dia tidak memerlukan bantuan daripada raja-raja yang jahat. Tuhanlah yang menyediakan baginya dan rakan yang terbaik.
4. Abram kembali ke kota di lembah di mana dia meninggikan Tuhan dengan memberikan sepersepuluhan kepada Raja Melkisedek. Lut kembali ke Sodom.

**Ayat Hafalan:**

Yesus terus menambah, "Ingatlah baik-baik supaya menjaga diri daripada segala ketamakan kerana kehidupan manusia tidak bergantung pada harta kekayaan yang dimiliki." Lukas 12:15

**Aktiviti 1:** Lukiskan watak, namakannya dan kemudian padankan lukisan itu kepada buih-buih dialog ini.

Jika kamu ke kiri, saya akan ke kanan.

Saya akan membawa orang-orang dan ternakan-ternakan saya ke dataran Yordan. (Saya akan tinggal di Sodom)

Saya tidak akan menerima apa-apa supaya kamu tidak akan dapat berkata 'Saya menjadikan Abram kaya'.

Diberkatilah Abram oleh Tuhan yang Maha Tinggi.


**Aktiviti 2:** Memberi sepersepuluhan

Melkisedek berdoa kepada Tuhan untuk memberkati Abram dan bersyukur kepada Tuhan untuk kemenangan itu. Kemudian Abram memberikan Melkisedek “memberinya sepersepuluh daripada segala harta benda itu”. Ini dipanggil “sepersepuluhan”. Tuhan menyediakan bagi Abram dan Abram menunjukkan rasa kesyukuran dengan memberikan semula sebahagian daripada hartanya kepada Tuhan. Berceritalah tentang sepersepuluhan dengan sahabat dan guru kamu.

Sepersepuluhan adalah \_\_\_\_\_

Sediakan satu carta sepersepuluhan untuk bulan ini untuk mengingatkan kamu untuk memberi sepersepuluhan. Hiaskan carta kamu dan lekatkan di bilik kamu.

	Selesai
Ahad 1	
Ahad 2	
Ahad 3	
Ahad 4	
*Ahad 5	

**Tindakan:**

Mempercayai Tuhan untuk menjaga kita adalah seperti

---

---

---

---

**Doa:** Ya Tuhan yang menyediakan bagi kami, terima kasih untuk semua yang saya miliki. Bantulah saya untuk tidak tamak dan percaya bahawa Engkau akan menyediakan apa yang saya perlukan. Amin.

## Kejadian Jilid 1

# Pelajaran 10: JANJI SEORANG ANAK LELAKI

**Tema:**

Tuhan bekerja pada masa-Nya sendiri.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk belajar tentang kesabaran. Gambaran besar tentang rancangan Tuhan adakalanya mengambil masa.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 15 & 16



### Pelajari

**Kunci Pelajaran:**

Abram sanggup untuk menantikan Tuhan menggenapi janji-Nya, tetapi Sarai tidak sabar dan melakukan hal yang mengikut caranya. Ismael bukan anak yang dijanjikan. Tuhan mempunyai cara-Nya sendiri untuk menggenapi janji-Nya pada masa-Nya sendiri.

**Ayat Hafalan:**

Sebabnya bagi Allah tidak ada yang mustahil.  
Lukas 1:37


**Aktiviti 1:** *Isikan huruf yang hilang untuk mengetahui perkataan-perkataan ini.*

1. Tuhan berjanji kepada Abram bahawa dia akan mempunyai banyak ket\_\_runan seperti bintang-bintang.
2. Sarai memberikan hamb\_\_nya Hagar kepada Abram supaya mereka akan mempunyai anak melaluinya.
3. Satu mal\_\_ikat muncul di hadapan Hagar dan memberitahunya untuk kem\_\_ali kepada Sarai.
4. I\_\_mael ialah anak pertama Abram, tetapi dia bukan anak yang dijanjikan.

## Aktiviti 2: Teka silang kata.

Terdapat beberapa watak yang terlibat dalam cerita ini. Berdasarkan klu yang diberikan ini, lengkapkan teka silang kata di bawah.

1. Menjanjikan keturunan yang banyak kepada Abram.
2. Bersabar menunggu janji Tuhan.
3. Tidak sabar menunggu janji Tuhan.
4. Bukan anak yang dijanjikan.
5. Hamba perempuan Sarai.



### Tindakan:

Fikirkan tentang cara-cara yang berbeza bagaimana Abram dan Sarai bertindak dalam cerita ini. Tuliskan apa yang setiap daripada mereka lakukan.

Abram \_\_\_\_\_

Sarai \_\_\_\_\_

**Doa:** Ya Tuhan, ajarkan saya untuk bersabar ketika \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ dan untuk percaya bahawa Engkau tahu  
yang terbaik. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 11: ABRAHAM DAN PERJANJIAN TUHAN

### Tema:

Tuhan menjadikan janji-Nya sebuah persetujuan (perjanjian) yang kekal dengan umat-Nya.

### Tujuan Pelajaran:

Untuk hidup sesuai dengan perjanjian Tuhan dengan kita. Untuk memelihara perjanjian ini dengan Tuhan, kita harus melakukan bahagian kita. Ini mungkin bermaksud melakukan sesuatu yang berbeza daripada orang lain.

### Petikan Alkitab:

Kejadian 17



## Pelajari

### Kunci Pelajaran:

Janji Tuhan yang pertama dijadikan sebuah perjanjian yang formal. Abram dan Sarai diberikan nama yang baru. Sebagai sebahagian daripada perjanjian ini, Abram perlu menyunatkan semua lelaki di rumahnya.

### Ayat Hafalan:

Oleh sebab itu ketahuilah bahawa Tuhan, Allahmu, Dia Allah, Allah yang setia, yang berpegang teguh pada perjanjian, dan menunjukkan rahmat-Nya terhadap orang yang mengasihi-Nya serta yang berpegang teguh pada perintah-perintah-Nya, sampai beribu-ribu keturunan.

Ulangan 7:9

### Aktiviti 1: Isikan tempat kosong.

1. Tuhan memberikan Abram nama yang baru. Dia akan dipanggil Abra\_\_ \_\_ \_\_.
2. Abraham diperintahkan untuk menyu\_\_atkan semua lelaki dalam rumahnya.
3. Abraham dan Sarah diperintahkan untuk menamakan anak mereka Ish\_\_k.

**Aktiviti 2:** Mentafsirkan apa yang Tuhan katakan kepada Abram.

Isikan ruang dengan huruf SELEPAS huruf yang dicetak.

Contoh: T U H A N  
S T G Z M

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
(A adalah selepas Z)

D M F J Z T      Z J Z M      L D M I Z C H

A Z O Z

J D O Z O Z

A Z M X Z J

A Z M F R Z

**Tindakan:**

Perubahan yang dilakukan oleh Abram dan keluarganya adalah tentang \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Janji Tuhan telah diwariskan kepada kita melalui Anak-Nya, Yesus. Untuk menjadi sebahagian daripada janji itu, kita perlu bertindak berlainan daripada orang lain, seperti mengasihi musuh kamu, berkongsi barang kita dengan rakan kita, membaca Alkitab, berbicara kepada Tuhan tentang semua perkara, dan taat kepada ibu bapa dan guru kita.

Beberapa perubahan yang saya ingin lakukan dalam kehidupan saya adalah

---

---

---

---

**Doa:** Ya Tuhan, terima kasih untuk contoh Abraham tentang ketaatan. Bantulah saya untuk menjadi seorang pengikut-Mu yang baik. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 12: ABRAHAM MERAYU BAGI PIHAK SODOM

### Tema:

Berbicara dengan Tuhan adalah perlu. Tuhan ingin kita berbicara kepada-Nya.

### Tujuan Pelajaran:

Untuk menjadikan berbicara dengan Tuhan sebagai tindakan yang menyenangkan seperti berbicara dengan seorang rakan baik.

### Petikan Alkitab:

Kejadian 18



## Pelajari

### Kunci Pelajaran:

1. Tuhan berbicara kepada Abraham seperti seorang sahabat, dan memberitahu Abraham tentang rancangan-Nya. Tuhan membenarkan Abraham untuk merayu kepada-Nya untuk menyelamatkan Lut.
2. Cerita ini menunjukkan betapa berharganya hidup manusia kepada Tuhan. Tuhan datang untuk melihat betapa berdosa Sodom sebelum menghukum mereka. Dia memberitahu Abraham tentang ini supaya Abraham akan mengajarkan anak-anaknya untuk melakukan yang benar (mengikut Cara Tuhan)

### Ayat Hafalan:

Aku telah memilih dia agar dia memerintahkan anak-anak serta kaum keluarganya untuk memelihara jalan TUHAN dengan melakukan yang benar dan adil. Dengan demikian, TUHAN memenuhi apa yang telah dijanjikan-Nya kepada Abraham. Kejadian 18:19

## Aktiviti 1: Warnakan ayat yang betul.

Tiga orang yang istimewa datang melawat Abraham untuk memberikannya sebuah mesej.

Ketika pertama kali Sarah mendengar bahawa dia akan melahirkan anak, dia mempercayainya.

Tuhan tidak memberitahu Abraham rancangan-Nya untuk menghukum Sodom.

Tuhan memberitahu Abraham rancangan-Nya supaya Abraham akan mengetahui bagaimana untuk mengajarkan anaknya apa yang benar

Lut masih tinggal di Sodom dan kerana itu Abraham berasa sangat risau akan Lut.

Tuhan tidak akan memusnahkan Sodom jika Dia dapat menemukan sepuluh orang yang baik.

**Aktiviti 2:** Untuk membantu kamu menghafal ayat yang agak panjang pada minggu ini, tuliskannya dalam ruangan di bawah dan hiaskannya mengikut citarasa anda. Lekatkannya di rumah di mana kamu dapat sering melihatnya.



**Tindakan:**

Tuhan memberitahu Abraham rancangan-Nya dan membenarkan Abraham meminta Tuhan untuk mengubah mindanya. Apakah yang kamu dapat katakan tentang hubungan Tuhan dengan Abraham? Apakah yang kamu dapat katakan tentang hubungan kamu dengan Tuhan?

---

---

---

---

---

**Doa:** Ya Tuhan, bantulah saya untuk bertumbuh dalam hubungan saya dengan Engkau, seperti bagaimana saya sedang membesar. Bimbinglah saya dalam cara-Mu supaya saya dapat membantu orang lain melakukan apa yang benar. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 13: APA YANG BERLAKU DI SODOM DAN GOMORA

### Tema:

Firman Tuhan perlu dianggap dengan sangat serius.

### Tujuan Pelajaran:

Untuk mendengar dan melakukan apa yang Tuhan perintahkan untuk kita lakukan.

### Petikan Alkitab:

Kejadian 19:1-29



### Pelajari

#### Kunci Pelajaran:

1. Tindakan orang Sodom menunjukkan betapa berdosa mereka. Walaupun Sodom akan dimusnahkan, Lut tidak berasa yakin untuk meninggalkan tempat itu.
2. Kemusnahan Sodom dan penyelamatan Lut menunjukkan bagaimana Tuhan menyelamatkan orang yang baik dan menghukum orang yang jahat.
3. Pengakhiran isteri Lut menunjukkan betapa bodohnya untuk mengabaikan firman Tuhan.

#### Ayat Hafalan:

Penyelamatan orang yang benar adalah daripada TUHAN; Dia ialah kekuatan mereka pada waktu kesusahan. Mazmur 37:39

### Aktiviti 1: Betul atau Salah? Bulatkan.

1. Lut bertemu malaikat dan menjemput mereka masuk ke dalam rumahnya. (Betul / Salah)
2. Kota Sodom ialah tempat yang selamat untuk tidur pada waktu malam. (Betul / Salah)
3. Orang Sodom membawa hadiah untuk malaikat itu. (Betul / Salah)
4. Malaikat-malaikat menyuruh Lut untuk lari. (Betul / Salah)
5. Lut merasakan ianya mudah untuk meninggalkan rumahnya. (Betul / Salah)

## Aktiviti 2: Apakah yang berlaku?

Ketahui apa yang berlaku pada isteri Lut dan lukiskannya.



Lengkapkan ayat ini.

Saya berpendapat isteri Lut menoleh ke belakang kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

### Tindakan:

1. Apabila Tuhan meminta kamu untuk melakukan sesuatu, ianya adalah untuk kebaikan kita. Namakan beberapa perkara yang kamu tahu Tuhan ingin kamu lakukan.

---

---

---

---

---

2. Apabila Tuhan meminta saya untuk \_\_\_\_\_, saya perlu \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

### Doa:

Ya Tuhan, saya tahu Engkau mahukan yang terbaik untuk saya. Bantulah saya untuk benar-benar percaya kepada-Mu dan berlaku taat. Amin.

# Kejadian Jilid 1

## Pelajaran 14: UJIAN BAGI ABRAHAM

**Tema:**

Mengutamakan Tuhan dalam hidup.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk mengutamakan Tuhan dalam semua yang kita lakukan, biarpun jika ia kelihatan keterlaluan.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 21:1-20 dan 22:1-19



**Ayat Hafalan:**

TUHAN cahayaku dan penyelamatanku – siapa perlu kutakuti? TUHAN kekuatan hidupku – siapa harus aku gentar? Mazmur 27:1

**Aktiviti 1:** Pimpin Abraham dan Ishak untuk mendaki sebuah gunung dengan mengisikan peristiwa mengikut urutan yang betul. Mulakan daripada bawah dan gunakan ayat-ayat dalam kotak untuk membantu anda.

4.


3.

2.

1.

- Tuhan memberitahu Abraham untuk membawa Ishak ke sebuah gunung dan mengorbankannya.
- Malaikat Tuhan menghentikan Abraham daripada menyakiti Ishak.
- Abraham dan Sarah mengadakan sambutan ketika Ishak bercerai susu.
- Ishak bertanya kepada bapanya di manakah domba untuk dikorbankan.

**Aktiviti 2:** Lukiskan atau tuliskan lima perkara yang sangat penting dalam hidup kamu. Yang di tengah haruslah apa/ siapa yang menjadi keutamaan dalam hidup kamu. Contoh: sekolah, rakan-rakan, keluarga, sukan ... dll. Di manakah kamu meletakkan Tuhan?



**Tindakan:**

Saya seharusnya menjadi seperti Abraham dalam cara saya \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**Doa:**

Ya Tuhan, adakalanya saya merasakan ianya sukar untuk \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Bantulah saya untuk menjadi seperti Abraham di mana dia mengutamakan Engkau dan sangat taat. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 15: ISHAK DAN RIBKA

### Tema:

Kita tidak dapat melihat masa hadapan tetapi Tuhan telah menyediakannya bagi kita.

### Tujuan Pelajaran:

Belajar untuk membenarkan Tuhan memimpin perjalanan kita.

### Petikan Alkitab:

Kejadian 23:1 - 25:28



## Pelajari

### Kunci Pembelajaran:

1. Abraham dan juga hambanya mempercayai Tuhan untuk mencari isteri yang tepat bagi Ishak.
2. Ribka juga mempercayai Tuhan apabila dia sanggup untuk meninggalkan rumahnya dan orang-orang yang dikasihinya untuk berkahwin dengan orang asing dari tempat yang jauh.


### Ayat Hafalan:

TUHAN meredai mereka yang takut kepada-Nya, mereka yang berharapkan kasih setia-Nya. - Mazmur 147:11

## Aktiviti 1: Isi tempat kosong

1. Abraham tahu Ishak tidak seharusnya berkahwin dengan seorang perempuan Kan\_\_ \_\_n.
2. Ketua hamba berhenti di sebuah mata \_\_ir ketika telah hampir tiba waktu kaum wanita untuk datang mengambil air.
3. R\_\_bka ialah wanita yang menawarkan untuk mengambil air untuk unta-unta itu juga.
4. Ribka telah melahirkan anak lelaki yang k\_\_mb\_\_r.
5. Tuhan berkata kedua-dua anak lelaki itu akan menjadi dua b\_\_ngsa.

**Aktiviti 2:** Apakah yang dikatakan oleh ketua hamba Abraham ketika dia bertemu Ribka? Lukiskan mereka dan gunakan ruang dialog ini untuk menuliskan apa yang dikatakan oleh mereka. (Kej. 24:17-18)



**Berbicara tentangnya:** Jangan risau tentang masa hadapan!

1. Berapakah umur kamu sepuluh tahun akan datang? \_\_\_\_\_
2. Pada pendapat kamu, apakah yang kamu akan lakukan dalam masa sepuluh tahun akan datang? \_\_\_\_\_
3. Di manakah kamu ingin tinggal sepuluh tahun akan datang? \_\_\_\_\_
4. Adakalanya, Tuhan memimpin perjalanan kita melalui orang lain. Namun, kita haruslah mengetahui bahawa mereka adalah daripada Tuhan. Bagaimanakah hamba Abraham mengetahui bahawa Ribka diutus oleh Tuhan?

Dia \_\_\_\_\_

**Berdoa:** Ya Tuhan, terima kasih kerana memperhatikan masa hadapan saya. Saya tahu Engkau akan menyediakan bagi saya menurut kehendak-Mu. Bantulah saya untuk mempercayai-Mu dalam semua yang saya lakukan. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 16: YAKUB DAN ESAU - CERITA HAK ANAK SULUNG

**Tema:**

Tanggungjawab

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk menggunakan apa yang telah diberikan oleh Tuhan kepada kita.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 25: 19-34 dan 27: 1-41



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

Esau tidak mempedulikan hak anak sulungnya, yang membawa berkat dan tanggungjawab daripada janji-janji dalam perjanjian dan kepemimpinan ke atas umat Tuhan. Kerana itu Tuhan memilih pemimpin yang lain untuk mengambil tempat Esau – adiknya Yakub.

**Ayat Hafalan:**

Berbuat jahat bagaikan permainan orang bodoh, tetapi hikmah ialah kegemaran bagi orang yang berpengertian. - Amsal 10:23

### Mencari perkataan:

Teka huruf yang hilang dan kemudian cari perkataan-perkataan itu di bawah.

1. Apakah yang dimiliki oleh anak pertama seperti Esau? h\_\_k an\_\_k sulun\_\_
2. Siapakah anak kesayangan Ribka? Y\_\_kub
3. Apakah yang dimasak oleh Yakub ketika Esau cuba meminta daripadanya? Bu\_\_ \_\_r
4. Apakah yang diberikan oleh Ishak kepada Yakub ketika Ishak menyangkakan yang ada di hadapannya itu ialah Esau? Berk\_\_t.

W	E	B	R	T	U	I	T	Y	G	D	E	R
T	U	E	B	V	C	T	S	A	Z	S	T	T
N	U	R	I	T	R	C	Y	K	A	B	E	D
H	A	K	A	N	A	K	S	U	L	U	N	G
V	E	A	T	V	B	U	I	B	Z	B	A	U
G	Y	T	U	I	O	P	D	A	V	U	E	R
S	U	R	E	T	U	O	P	V	A	R	D	E

**Bakat-bakat yang berbeza:** Esau dan Yakub hebat dalam perkara yang berbeza. Warnakan gambar mereka di bawah ini dan tuliskan apa yang mereka sedang lakukan.



Esau ialah seorang \_\_\_\_\_

Yakub ialah seorang \_\_\_\_\_

**Kuiz pantas:**

1. Esau ialah yang paling tua, tetapi adakah dia mengambil berat akan hak anak sulungnya?  
Ya / Tidak
2. Pada pendapat kamu adakah Esau seorang yang bertanggungjawab?      Ya / Tidak

**Tindakan:** Senaraikan bakat-bakat kamu atau perkara-perkara yang kamu hebat di dalamnya (cth. melukis, muzik). Pada ruangan di sebelah, senaraikan tanggungjawab-tanggungjawab kamu atau perkara-perkara yang kamu disuruh lakukan di rumah (cth. menjaga adik saya, membantu ibu mencuci pinggan-mangkuk) atau di sekolah (cth. membersihkan bilik darjah, membantu guru saya).

Bakat saya	Tanggungjawab saya

**Berdoa:** Ya Tuhan, terima kasih untuk berkat-berkat dan tanggungjawab-tanggungjawab yang Engkau telah berikan kepada saya. Bantulah saya untuk menggunakan bakat saya, dan menjadi bertanggungjawab untuk apa yang saya diminta untuk lakukan, untuk kemuliaan-Mu. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 17: PERJALANAN YAKUB

### Tema:

Tuhan membentuk kita untuk menjadi orang yang lebih baik.

### Tujuan Pelajaran:

Untuk melihat perkara-perkara yang sukar sebagai sebahagian daripada proses pembentukan Tuhan.

### Petikan Alkitab:

Kejadian 27:42 - 29:12



## Pelajari

### Kunci Pembelajaran:

1. Ketika Yakub melarikan diri daripada abangnya Esau, Tuhan memunculkan diri kepada Yakub untuk kali yang pertama dan mengulang kembali janji dalam Perjanjian yang dilakukan dengan datuk Yakub.
2. Tuhan memulakan proses untuk menyediakan Yakub untuk menjadi pemimpin bagi umat-Nya.

### Ayat Hafalan:

Yesus berkata kepadanya, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kamu akan melihat langit terbuka dan malai-  
kat-malaikat Allah turun naik menemui Anak Manusia." - Yohanes 1:51

**Padankan!** Selesaikan ayat-ayat ini dengan memadankannya pada perkataan yang betul. Terdapat tiga perkataan yang kamu tidak akan gunakan.

1. Pergilah kepada abang saya Laban di \_\_\_\_\_
2. Yakub melarikan diri daripada \_\_\_\_\_
3. Yakub berhenti pada malam itu dan dia meletakkan \_\_\_\_\_ di bawah kepalanya untuk tidur.
4. \_\_\_\_\_ turun naik tangga itu.
5. Ketika Yakub terbangun daripada mimpinya dia berkata, "Betapa \_\_\_\_\_nya tempat ini!"
6. Di Haran, orang pertama yang ditemuinya ialah \_\_\_\_\_

RAHEL

MENAKJUBKAN

CANTIK

BATU

KATAK

MALAIKAT

HARAN

ESAU

LABAN

**Mimpi Yakub:** Apakah yang dilihat oleh Yakub dalam mimpinya? Lukiskan apa yang dilihatnya?



**FIKIRKAN tentangnya:**

Apakah persamaan Yesus dengan gambar dalam mimpi Yakub? (Ayat hafalan mengandungi pembayangnya.)

Yesus sama seperti tangga yang menghubungkan kita dengan Tuhan.

**Tindakan:** Adakah terdapat perkara yang kamu tidak gemar lakukan? Tandakan satu yang mungkin berkaitan dengan kamu:

Tidur awal

Mengemas barang permainan saya selepas bermain dengannya

Berkongsi barang-barang saya dengan rakan atau adik-beradik saya

Menunggu giliran saya untuk bercakap

Semua perkara ini boleh menjadi cara Tuhan untuk mengajar kita tentang kesabaran, kasih, dan keprihatinan – demikianlah Dia membentuk kita!

**Cuba bersama rakan-rakan kamu.**

Guru kamu akan memberikan kamu doh mainan atau tanah liat. Bentukkannya menjadi apa-apa bentuk, binatang, orang ataupun benda.

Adakah ianya mudah untuk membuat sesuatu daripada doh mainan? Adakah ia mengambil masa yang lama? Adakah kamu berpendapat bahawa Tuhan mudah membentuk kita?

**Berdoa:** Ya Tuhan, bantulah saya supaya tidak terlalu memerhatikan perkara-perkara sukar yang saya tidak suka lakukan kerana ia adalah sebahagian daripada cara-Mu membentuk saya. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 18: YAKUB DAN ANAK-ANAK PEREMPUAN LABAN

**Tema:**

Jangan menipu orang lain.

**Tujuan Pelajaran:**

Berlaku jujur dengan orang lain.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 29:13-30:43



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

Yakub yang menipu bapanya Ishak sebelum ini kini ditipu oleh pak ciknya Laban untuk bekerja selama bertahun-tahun. Namun, Tuhan melindungi dan memberkati Yakub di dalam semua ini

**Ayat Hafalan:**

Dia menggagalkan rancangan orang cerdik, sehingga upaya tangan mereka tidak berhasil. - Ayub 5:12

### Aktiviti 1: Isikan tempat kosong

1. Yakub bekerja untuk Laban selama em\_\_at bel\_\_s tahun sebelum akhirnya berkahwin dengan Rahel.
2. Laban memboho\_\_gi Yakub dengan memberikannya Lea kerana dia ialah anak perempuan yang lebih tua.
3. Lea dan Rahel saling cem\_\_uru antara satu sama lain.
4. Laban cuba untuk membuat Yakub tetap tinggal di situ dan juga menipunya untuk tetap tinggal di situ tetapi Tuhan mel\_\_ndu\_\_gi Yakub dan sentiasa memberkatinya.

## FIKIRKAN tentangnya:

Adakah Yakub merungut kerana perlu bekerja selama tujuh tahun lagi untuk Rahel?

Ya/Tidak

**Aktiviti 2:** Tuhan memberkati Yakub dengan anak yang ramai melalui isteri-isterinya Lea dan Rahel. Susun semula huruf-huruf ini untuk mendapatkan nama-nama yang betul bagi anak-anak Yakub. Kemudian padankannya dengan Lea atau Rahel.

eRbun

-----

uusfY

-----

iewL

-----

oenmiS

-----

haudeY

-----

Lea

Rahel

### Tindakan:

1. Satu hal yang baik yang saya telah pelajari daripada Yakub ialah:

:: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

2. Satu perkara tentang Yakub dan Laban yang saya tidak seharusnya ikuti adalah:

:: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**Berdoa:** Ya Tuhan, saya telah melihat bahawa menipu orang lain boleh menyebabkan kesakitan dan kesukaran. Bantulah saya untuk jujur kepada orang lain. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 19: YAKUB KEMBALI KE KANAAN

**Tema:**

Waktu yang sukar menjadikan kamu lebih kuat.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk mengetahui bahawa Tuhan menggunakan waktu yang sukar untuk mempersiapkan kita.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 31:1 - 33:19 & 35



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

1. Yakub ingin kembali ke Kanaan tetapi Laban menjadi marah. Yakub juga risau tentang bertemu dengan abangnya, Esau semula. Tuhan terus melindungi Yakub daripada Laban dan Esau.
2. Tuhan bertemu Yakub secara peribadi dan memberikannya nama yang baru. Tuhan mempersiapkan Yakub untuk menjadi pemimpin bagi umat-Nya dan Yakub belajar untuk mempercayai Tuhan sepenuhnya.


**Ayat Hafalan:**

TUHAN akan memberikan kekuatan kepada umat-Nya; TUHAN akan memberkati umat-Nya dengan kesejahteraan. - Mazmur 29:11

**Aktiviti 1:** *Isikan tempat kosong*

1. Bertemu dengan Es\_\_u sangat merisaukan Yakub.
2. Ketika Yakub bersendirian, seorang lelaki berg\_\_lut dengannya.
3. Isr\_\_el ialah nama Yakub yang baru yang diberikan oleh Tuhan.
4. Kali ini, Yakub menyembah Tuhan tanpa sy\_\_rat.

**Aktiviti 2:** Yakub telah mengalami Tuhan sebanyak dua kali. Yang pertama kali adalah dalam sebuah mimpi ketika dia melarikan diri dari Kanaan untuk pergi ke rumah Laban. Adakah kamu ingat apa yang dilihatnya dalam mimpi itu? Lukiskannya di sini.



Kali yang kedua adalah ketika dia meninggalkan Laban untuk kembali ke Kanaan. Lukiskan bagaimana Yakub bertemu dengan Tuhan secara peribadi.



**Tindakan:**

Pada waktu yang sukar, Tuhan melindungi dan memerhatikan kita sama seperti yang dilakukan-Nya kepada Yakub. Bagaimanakah kamu boleh menunjukkan rasa berterima kasih kamu kepada Tuhan kerana melindungi kamu? Tandakan satu cara dan lakukannya dalam minggu ini:

- \_\_\_ Membantu seseorang dalam kelas saya yang memerlukan bantuan.
- \_\_\_ Berfikir tentang bagaimana Tuhan melindungi saya dan beritahukan kepada seorang rakan atau ibu bapa.

**Berdoa:** Ya Tuhan, terima kasih kerana menjadi Pelindung dan Penyedia bagi kami. Tolong berkati dan lindungi semua orang yang memerlukan. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 20: YUSUF DAN ABANG-ABANGNYA

**Tema:**


Jangan cemburu.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk mengelak daripada cemburu kerana ia boleh membawa kepada dosa.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 37



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

Abang-abang Yusuf cemburu akan Yusuf. Mereka menjualnya sebagai seorang hamba. Walau bagaimanapun, Tuhan mempunyai rancangan lain dan menggunakan keadaan ini untuk menggenapi tujuan-Nya di masa hadapan.

**Ayat Hafalan:**

Dia tidak mengalihkan pandangan-Nya daripada orang benar, tetapi Dia menempatkan mereka dengan raja-raja di atas takhta untuk selama-lamanya sehingga mereka ditinggikan.- Ayub 36:7

**Mengetahui ceritanya:** *Tuliskan nombor bagi peristiwa-peristiwa ini dalam urutan yang betul.*

Yakub memberikan Yusuf sehelai jubah yang cantik.

Yakub menangis ketika dia melihat jubah Yusuf yang berdarah.

Adik-beradik itu menyembelih seekor kambing dan mencelupkan jubah Yusuf ke dalam darahnya

Yusuf memberitahu abang-abangnya tentang berkas gandum mereka tunduk kepada berkas gandumnya.

Selepas membuangnya ke dalam sebuah perigi kosong, Yehuda mencadangkan supaya menjualnya.

Sehelai jubah yang cantik! Pada pendapat kamu bagaimanakah rupa jubah Yusuf? Jadikannya berwarna-warni mengikut kreativiti kamu!



Jika kamu ialah salah seorang daripada abang-abang Yusuf, bagaimanakah perasaan kamu apabila Yusuf mendapat jubah itu daripada bapa kamu?

Saya akan berasa \_\_\_\_\_.

**Tindakan:** – Berbincang dengan guru kamu:

1. Yusuf bercakap besar tentang mimpinya di mana semua orang perlu tunduk kepadanya. Adakah kamu mendapati Yusuf seorang yang menyakitkan hati kerana hal ini?  
Ya / Tidak
2. Biarpun jika Yusuf menyakitkan hati, adakah ianya benar bagi adik-beradik itu untuk menjualnya?

**Berdoa:** Ya Tuhan, saya tahu bahawa cemburu itu tidak baik kerana ia membuatkan saya tidak berkelakuan baik kepada orang lain. Bantulah saya untuk mengasihi orang lain termasuklah orang yang saya tidak sukai. Pimpinlah saya ke arah kebaikan dan kelembutan. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 21: YUSUF DAN POTIFAR

**Tema:**


Melarikan diri daripada godaan.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk kekal setia biarpun berhadapan dengan godaan dan waktu yang sukar.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 39: 1-20



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

1. Biarpun Yusuf berada dalam keadaan yang sukar, dia tetap memegang imannya terhadap Tuhan. Tuhan memberkati Yusuf dalam setiap hal yang dilakukannya dan tuannya Potifar menyedarinya.
2. Isteri Potifar menggoda Yusuf tetapi dia tidak mahu melakukan apa yang terlarang. Dia melarikan diri daripada godaan.


**Ayat Hafalan:**

Kerana TUHAN menaungi jalan orang benar, tetapi jalan orang zalim akan binasa. - Mazmur 1:6

**Aktiviti 1:** *Isikan tempat kosong*

1. Orang Ismael membawa Yusuf ke M\_\_sir.
2. Tuhan memb\_\_rk\_\_ti Yusuf dalam setiap yang dilakukannya.
3. P\_\_tif\_\_r meletakkan hal rumah tangganya di bawah penjagaan Yakub.
4. Ketika isteri Potifar menggoda Yusuf, dia berkata, “Bagaimana mungkin saya melakukan perbuatan sej\_\_hat itu dan berdosa terhadap Tuhan?”

**Aktiviti 2:** Tergoda bermaksud ingin melakukan sesuatu yang kamu tahu kamu tidak seharusnya lakukan. Lukis sesuatu yang kamu mudah 'tergoda'. Mungkin ianya adalah makan biskut sebelum makan malam, atau ia mungkin adalah menonton TV semasa waktu yang seharusnya kamu tidur. Beritahu Tuhan tentang hal ini dan mintalah Dia untuk membantu kamu untuk tetap kuat.



**Aplikasi:**

Apakah yang Yusuf lakukan ketika dia digoda oleh isteri Potifar? Bulatkan jawapan yang betul.

Tetap di situ    Tidur    Menangis    Melarikan diri    Bergaduh

**Tindakan:**

Godaan mungkin adalah sangat kuat. Perkara yang terbaik untuk dilakukan adalah untuk \_\_\_\_\_!

Baca Lukas 22:40. Satu cara untuk mengelak daripada godaan adalah untuk \_\_\_\_\_.

**Berdoa:** Ya Tuhan, terima kasih kerana sentiasa berada di sini untuk saya, sama seperti ketika Engkau bersama Yusuf. Bantulah saya untuk setiap hal biarpun dalam waktu yang sukar dan berikanlah saya kekuatan untuk melarikan diri daripada godaan. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 22: ORANG TAHANAN DAN ERTI MIMPI

**Tema:**


Mempercayai Tuhan pada masa-masa yang sukar.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk mengetahui bahawa Tuhan tidak akan meninggalkan kita.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 39:21 – 40:23



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

1. Yusuf bekerja keras dan mengagumkan orang-orang di sekelilingnya, dan bukannya merungut tentang bagaimana dia telah dihukum dengan sangat tidak adil.
2. Yusuf terus percaya kepada Tuhan. Tuhan sedang memerhatinya dan mempersiapkannya untuk sebuah tugas yang penting pada masa hadapan.

**Ayat Hafalan:**

Kamu layak dipuji jika kerana Allah kamu tabah menanggung derita akibat perlakuan yang tidak adil. - 1 Petrus 2:19

**Aktiviti 1:** Padankan ayat-ayat ini kepada orang yang betul dengan mewarnakan ayat itu dan orang itu dengan warna yang sama. Gunakan warna yang berbeza untuk setiap padanan.

1. Saya dijual kepada para pedagang oleh abang-abang saya

Pengurus roti

2. Saya bermimpi tentang pokok anggur dan anggur yang berbuah.

Pengawal penjara

3. Saya memberikan tanggungjawab kepada Yusuf untuk menjaga orang tahanan

Pengurus minuman

4. Saya bermimpi burung-burung makan makanan yang telah saya buat.

Yusuf

**Aktiviti 2:** Berlakon sebagai Yusuf. Tuliskan sebuah isi catatan harian tentang hari kamu di dalam penjara. Apakah perasaan kamu? Apakah yang kamu akan beritahu Tuhan? Siapakah yang kamu temui? Gunakan bank perkataan di bawah. Kamu tidak perlu menggunakan semua perkataan tersebut.

Wahai Diari,

Saya masih terkurung di dalam penjara. Saya berasa \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_  
tetapi saya tahu Tuhan sedang \_\_\_\_\_

Hari ini, saya bertemu seorang \_\_\_\_\_ dan seorang \_\_\_\_\_  
Saya memberitahu mereka apakah maksud mimpi mereka. Semoga pengurus minuman itu ingat untuk memberitahu Firaun untuk \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Itu sahaja untuk hari ini.

Yusuf

**BANK PERKATAAN**

gembira marah tidak sabar berpuas hati membebaskan saya  
rancangan mempersiapkan saya hebat pengurus minuman  
pengurus roti dengan saya hantar saya pulang mengadakan majlis

**Tindakan:**

Yusuf telah mengajar saya untuk mempercayai \_\_\_\_\_ biarpun ketika saya telah dipersalahkan dengan tidak adil. Dia juga bekerja \_\_\_\_\_ dan melakukan yang terbaik biarpun dia berada dalam situasi yang tidak baik.

Pernahkah anda dipersalahkan dengan tidak adil sebelum ini? Apakah yang kamu lakukan? Berbincang dengan rakan-rakan dan guru kamu tentang hal ini.

**Berdoa:**

Ya Tuhan, pada masa-masa yang sukar, bantulah saya untuk tidak merungut tetapi untuk mempercayai-Mu, untuk bekerja keras, dan untuk sentiasa melakukan yang terbaik untuk-Mu. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 23: SI TUKANG MIMPI DAN RAJA

**Tema:**

Kebijaksanaan adalah daripada Tuhan.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk mengetahui bahawa Tuhan memberikan kita kebijaksanaan.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 41: 1- 46



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

Tuhanlah yang telah membantu Yusuf mentafsirkan mimpi-mimpi itu dengan betul. Selepas 13 tahun perhambaan dan berada di penjara, Yusuf dibebaskan dan dipilih untuk menjadi menteri Firaun yang tertinggi.

**Ayat Hafalan:**

Takut akan TUHAN permulaan kebijaksanaan; pengertian yang sempurna ada pada semua yang menaati perintah-perintah-Nya.  
- Mazmur 111:10

**Aktiviti 1:** Tafsirkan maksud mimpi Firaun. Untuk mentafsir, isi tempat kosong dengan huruf yang SETERUSNYA.

ZJZM

ZCZ

STITG

SZGTM

JDKHLOZGZM

Akan ada

kelimpahan

CHHJTSH

CDMFZM

STITG

SZGTM

dengan

tujuh


tahun

JDKZOZQZM

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ

Contoh: Z = A

**Aktiviti 2:** Lukiskan apa yang diberitahukan Yusuf kepada Firaun untuk disediakan bagi musim kelaparan – menyimpan gandum yang mencukupi selama tujuh tahun musim kelaparan.



Kejadian 41:38 – Firaun merasakan nasihat Yusuf itu baik dan berkata: “Bolehkah kita mencari orang lain yang seperti itu, yang dipenuhi kehadiran roh \_\_\_\_\_?”

**Tindakan:**

Tuhan memberkati Yusuf dengan kebijaksanaan dan kerana ini, Firaun mengagumi Yusuf. Apakah perkara yang kamu boleh pelajari dari Yusuf?

---

---

---

**Berdoa:** Ya Tuhan, berikanlah saya kebijaksanaan-Mu supaya saya dapat melayani-Mu dan membawa kemuliaan-Mu. Bantulah saya untuk menjadi sabar seperti Yusuf, yang juga mempercayai-Mu sepanjang bertahun-tahun dia di penjara sehinggalah Engkau membebaskan dia. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 24: ORANG TAHANAN MENJADI PERDANA MENTERI

**Tema:**

Tuhan bekerja melalui kita.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk mempelajari bahawa Tuhan boleh menggunakan pekerjaan kita untuk memberkati orang lain.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 41: 47 – 42:26



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

1. Yusuf bekerja keras untuk mempersiapkan Mesir untuk musim kelaparan. Kerana itu, Mesir mempunyai makanan yang mencukupi.
2. Ketika abang-abang Yusuf datang untuk membeli makanan, mereka tidak menunjukkan rasa bersalah untuk apa yang mereka telah lakukan. Yusuf memutuskan untuk belum memberitahu mereka lagi siapakah dia tetapi sebaliknya dia memberikan sebuah ujian.


**Ayat Hafalan:**

Segala penat lelah mendatangkan keuntungan, tetapi kata-kata kosong hanya mendatangkan kemiskinan. - Amsal 14:23

**Aktiviti 1:** *Isikan tempat kosong.*

1. Orang-orang dari luar Mesir datang untuk memb\_\_li makanan dari Mesir.
2. Yusuf tidak memp\_\_rcay\_\_i abang-abangnya.
3. Yusuf memenjarakan abang-abangnya selama t\_\_ga hari.
4. S\_\_me\_\_n adalah yang telah dipenjarakan ketika yang lain kembali.

**Aktiviti 2:** *Gunakan warna yang berbeza tetapi warnakan bentuk yang sama dengan warna yang sama. Kemudian lukiskan dua garisan lurus untuk membahagikan kotak ini kepada empat bahagian. Setiap bahagian haruslah mempunyai enam bentuk yang berbeza.*



**Tindakan:**

Bolehkah kamu mencari sendiri di mana untuk melukiskan dua garisan itu? Ya/Tidak

Melalui usaha kamu untuk berfikir di manakah kamu harus melukiskan garisan itu, kamu boleh membahagikan bentuk-bentuk itu secara sama rata dalam kotak itu.

Melalui kerja keras Yusuf, Tuhan telah menyediakan makanan yang mencukupi untuk orang-orang di Mesir dan dari tempat-tempat yang lain, termasuklah keluarga Yusuf.

**Berdoa:** Tuhan Allah, bantulah saya untuk bekerja keras dan melakukan yang terbaik dalam setiap hal supaya Engkau dapat menggunakan pekerjaan saya untuk memberkati dan membantu orang lain. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 25: MASALAH YAKUB

**Tema:**


Hati yang berubah

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk mengubah kelakuan kita apabila kita telah melakukan kesalahan pada masa lalu.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 42: 27 - 44:13



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

1. Yehuda ialah abangnya yang telah mencadangkan untuk menjual Yusuf kepada perhambaan. Sekarang, Yehuda menggalas tanggungjawab untuk adik-beradik itu ketika mereka berhadapan dengan Yusuf.
2. Yusuf menunjukkan kasih kepada Benyamin dan abang-abangnya tetapi dia belum bersedia untuk memberitahu mereka siapakah dia sebenarnya.

**Ayat Hafalan:**

Diberkatilah orang yang tabah menghadapi cubaan. Apabila mereka berjaya menangani cubaan itu, mereka akan mendapat mahkota kehidupan yang telah dijanjikan Allah kepada orang yang mengasihi-Nya.  
- Yakobus 1:12

**Aktiviti 1:** *Padankan*

1. Pada awalnya, ianya adalah idea Yehuda

2. Yehuda mengambil

3. Saudara-saudara itu tidak dapat pergi

4. Yusuf menangis ketika

5. Orang-orang Yusuf menemukan

ke Mesir tanpa Benyamin


tanggungjawab untuk keselamatan Benyamin

piala perak dalam karung Benyamin

dia melihat Benyamin

untuk menjual Yusuf kepada pedagang hamba

**Aktiviti 2:** Gunakan pembayang untuk mencari perkataan-perkataan.



1. Yakub tidak mempercayai anak ini. R\_\_ben
2. Yusuf sangat menyayangi saudaranya yang ini. Be\_\_nyam\_\_n
3. Abang yang ini berjanji untuk melindungi Benyamin. Y\_\_hud\_\_
4. Sesuatu milik Yusuf telah dijumpai dalam karung Benyamin. Ca\_\_an p\_\_rak

**Tindakan:**

1. Tindakan yang boleh mengecewakan atau menyedihkan ibu bapa saya ialah

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

2. Tindakan yang menyakitkan perasaan rakan saya ialah \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

3. Tindakan saya yang perlu saya ubah: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**Berdoa:** Ya Tuhan, terima kasih untuk ibu bapa dan rakan saya. Bantulah saya untuk menunjukkan mereka kasih dan kebaikan. Dalam nama Yesus, Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 26: PERTEMUAN DAN PERDAMAIAN KELUARGA

**Tema:**

Tujuan Tuhan ditunjukkan dan pengampunan diberikan.

**Tujuan Pelajaran:**

Untuk meminta daripada Tuhan kekuatan untuk memaafkan mereka yang menyakiti kamu.

**Petikan Alkitab:**

Kejadian 44: 14 – 46: 7



### Pelajari

**Kunci Pembelajaran:**

1. Adik-beradik itu tidak akan meninggalkan Benyamin biarpun jika ia bermaksud untuk menyerahkan kebebasan mereka. Yusuf melihat bahawa mereka telah bertaubat dan memberitahu mereka siapakah dia yang sebenarnya.
2. Yusuf mengetahui bahawa Tuhan telah menggunakan situasi ini untuk menyelamatkan keluarganya daripada musim kelaparan dan untuk membawa mereka berkumpul kembali.

**Ayat Hafalan:**

Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan. -  
1 Yohanes 1:9

**Aktiviti 1:** *Isikan tempat kosong*

1. Adik-beradik itu tidak akan meninggalkan Be\_\_ya\_\_in.
2. Yusuf memberitahu abang-abangnya bahawa Tuhanlah yang telah mengutusNya terlebih dahulu untuk men\_\_elamat\_\_an mereka.
3. Yusuf meminta keluarganya untuk berpindah ke Mesir, ke kawasan G\_\_syen.
4. Dalam perjalanan ke Mesir, Tuhan mengulang janjinya kepada Yakub untuk menjadikan keluarganya sebuah ba\_\_gsa yang besar.

**Aktiviti 2:** Letakkan nombor pada awan-awan dialog ini dengan urutan yang betul daripada cerita ini. Kemudian, jika masih ada masa, rancangkan sebuah lakonan pendek dan persembahkannya kepada guru kamu atau kumpulan-kumpulan yang lain. Gunakan awan-awan dialog ini untuk membantu kamu memikirkan apa yang hendak dikatakan.

Yakub dan Yusuf bertemu semula. Mereka tertawa dan menangis kerana gembira.

Yakub mengembara daripada Kanaan ke Mesir

Yusuf membantu keluarganya untuk tinggal di Mesir gembira.

Adik-beradik itu meminta maaf untuk apa yang mereka telah lakukan kepada Yusuf

Yusuf memberitahu siapakah dia.

**Tindakan:**

1. Yusuf telah memaafkan abang-abangnya. Yesus telah \_\_\_\_\_ dosa saya.
2. Yusuf mampu memaafkan abang-abangnya kerana dia melihat \_\_\_\_\_ Tuhan.
3. Apabila orang lain menyakiti saya atau memperlakukan saya dengan cara yang salah, saya seharusnya \_\_\_\_\_ mereka.

**Berdoa:** Ya Tuhan, terima kasih kerana mengutus anak-Mu Yesus untuk menghapuskan dosa saya. Bantulah saya untuk mengampuni mereka yang telah bersalah kepada saya. Amin.

## Kejadian Jilid 2

# Pelajaran 27: PENGHUJUNG KEJADIAN - PUAK MENJADI BANGSA

### Tema:

Tuhan itu bersifat peribadi. Dia mengasihi kita dan menginginkan persekutuan dengan kita.

### Tujuan Pelajaran:

Untuk mengulang kaji tema-tema utama dalam Kejadian – penciptaan, janji-janji Perjanjian, dan penggenapannya melalui Yesus.




**Permulaannya:** Lukiskan tiga perkara utama yang berlaku pada permulaannya. Gunakan ayat-ayat ini untuk menolong kamu.

1. Satu Tuhan yang sama telah menciptakan alam semesta, dunia kita dan semua hidupan.
2. Tuhan menciptakan manusia.
3. Tuhan telah bersama-sama dengan manusia dalam Taman Eden dan memberikan manusia tugas untuk menjaga dunia.

**PERMULAAN**

**Tuhan Kita Bersifat Peribadi:** Tuhan berbicara kepada ....

Cari 3 nama yang tersembunyi iaitu mereka yang kepadanya Tuhan telah berbicara dan warnakan huruf-huruf itu.



**Tuhan mengutus Yesus:**

Berlumba untuk mencari ayat ini dan tuliskannya. Yang pertama menemuinya dan menuliskan ayat ini akan memenangi perlumbaan ini!

Tuhan berjanji kepada Abraham bahawa semua orang di bumi akan diberkati melalui Abraham. Oleh itu Tuhan mengutus Yesus yang telah dilahirkan daripada keturunan Abraham. Yohanes 3:16 - \_\_\_\_\_

Ketika Abraham diuji dan diminta untuk mengorbankan anaknya Ishak, kita dapat melihat bagaimana Tuhan mengorbankan Anak-Nya satu-satunya, Yesus.

Roma 8:32 - \_\_\_\_\_

**Berdoa:** Ya Tuhan, Engkau ialah Allah yang peribadi yang telah menciptakan saya dan kemudian menyelamatkan saya melalui pengorbanan Yesus. Bantulah saya untuk mengasihi-Mu dan untuk bertumbuh dalam-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

SAMPLE

SAMPLE


# Siri Penjelajah Visual Alkitab




Kejadian - Pada Mulanya




Musa dan Keluaran




Yosua dan Hakim-Hakim




Cerita Kehidupan Yesus



Kisah Rasul-Rasul Jilid 1



Kisah Rasul-Rasul Jilid 2



Raja-Raja dan Nabi-Nabi Israel